



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**14 November 2022
19 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Musim tengkujuh: Nelayan cari rezeki lain sara keluarga
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">•
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		
							36	14/11/22

Musim tengkujuh: Nelayan cari rezeki lain sara keluarga

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Golongan nelayan di Terengganu terutama kategori pesisir pantai terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan yang lain setiap kali tiba musim tengkujuh untuk mencari pendapatan tambahan bagi menyara keluarga mereka.

Ini kerana mereka tidak dapat turun ke laut seperti biasa berikutan angin kencang, ombak dan gelombang yang kuat memberi risiko terhadap keselamatan nyawa menyebabkan pendapatan mereka terjejas lebih 50 peratus.

Seorang nelayan di Kampung Kuala Abang, Dungun, Armi Ali, 51 berkata, beliau hanya ke laut sekali atau dua kali sahaja dalam tempoh seminggu sepanjang musim tengkujuh, bergantung kepada cuaca harian kerana bimbangkan keselamatannya.

"Kalau hujan terlalu lebat dan angin kuat, saya tidak akan keluar menangkap ikan sebaliknya hanya duduk di rumah membaiki bubu atau pukat yang rosak."

"Ada juga kawan-kawan ne-



SEKUMPUL nelayan mengisi masa lapang dengan menjahit pukat selepas tidak dapat keluar menangkap ikan pada musim tengkujuh di Kampung Seberang Marang, Marang. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY ROSLI

layan yang lain ambil upah mesin rumput, buat kerja tukang rumah di kampung atau jadi pembantu kedai makan di mana-mana warung saudara atau kawan yang berdekatan.

"Pendek kata, apa sahaja pekerjaan sementara yang boleh dilakukan ketika tengkujuh, ne-

layan akan buat untuk mengisi perut anak isteri," katanya ketika ditemui.

Nelayan di Kampung Pulau Duyong, di sini, Mohd. Bukhari Aziz, 36, pula berkata, kebanyakan nelayan tidak mempunyai kemahiran lain menyebabkan segerintir mereka masih berani

turun ke laut sekiranya cuaca mengizinkan.

"Memang ada yang cari pendapatan lain untuk sementara waktu macam ambil upah mengurut, buat kerja-kerja kampung, tapi jika cuaca panas sehari dua, pasti akan turun juga ke laut kerana tangkapan agak banyak.

"Ada lah kaedah perkiraan kami untuk turun ke laut ni, tengok waktunya anak bulan, arah angin dan ikut juga ramalan Jabatan Meteorologi berkaitan fenomena cuaca yang dijangka berlaku.

"Setakat ini, Alhamdulillah rezeki yang ada masih mencukupi, terima kasih juga kepada kerajaan kerana memberi bantuan bulanan RM300 untuk kami, dapat lah bertahan sementara waktu sepanjang tempoh yang sukar ini," katanya.

Sementara itu, seorang nelayan kategori zon B, Bahiyuddin Awang @ Harun, 36, pula berkata, dia masih mampu turun ke laut kerana bot yang digunakan bersaiz besar, dilengkapi peralatan keselamatan dan alat komunikasi seperti yang disarankan Jabatan Perikanan.